

PENDEKATAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TAFSIR DI PONDOK BAITUL QURRA WAL FUQOHA' SUNGAI UDANG MELAKA

THE TEACHING AND LEARNING APPROACH OF INTERPRETATION AT PONDOK BAITUL QURRA WAL FUQOHA' SUNGAI UDANG MELAKA

Mohd Nazri Bin Ahmad

Pusat Kajian Al-Quran Dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia.
nazriahmad@ukm.edu.my

Asna Binti Che Hassin

Pusat Kajian Al-Quran Dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia.

*Corresponding Author's Email: p99008@siswa.ukm.edu.my

Article History:

Received : 29 February 2024

Revised : 24 April 2024

Published : 10 June 2024

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Ahmad, M. N. (2024). PENDEKATAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TAFSIR DI PONDOK BAITUL QURRA WAL FUQOHA' SUNGAI UDANG MELAKA [Review of *PENDEKATAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TAFSIR DI PONDOK BAITUL QURRA WAL FUQOHA' SUNGAI UDANG MELAKA*]. *Jurnal Maw'izah*, 7(1), 1–16.

Abstrak

Pengajaran tafsir sudah bermula wujud di zaman Rasulullah S.A.W dan para sahabat lagi. Di era kemajuan Islam semakin berkembang pengajian ilmu-ilmu Islam dan penyebaran ilmu seperti institusi pondok. Penulisan ini bertujuan untuk mengenalpasti pendekatan yang di gunapakai dalam pengajaran tafsir dan menyatakan latarbelakang institusi pondok *Baitul Qurro'* yang masih wujud di negeri yang kecil jika di bandingkan dengan negeri-negeri yang lain yang mempunyai institusi pondok yang tumbuh seperti cendawan tumbuh setelah hujan. Justeru itu, kajian ini di jalankan menggunakan kaedah dokumentasi dan sejarah dan menggunakan kaedah temubual dan pemerhatian di tempat kajian

Kata Kunci: Pondok, Pengajaran Tafsir, Method, Tradisional, Melaka

Abstract

The teaching of *tafsir* (interpretation) emerged during the time of the Prophet S.A.W and his companions. The Islamic development era had witnessed the proliferation of Islamic disciplines and knowledge, such as the '*pondok*' institution. This study aims to identify the approach used in teaching *tafsir* and describe the background of the *Baitul Qurro'* '*pondok*' institution, which still exists in small countries, compared to other countries that have '*pondok*' institutions that are growing like mushrooms after a rain. Therefore, this study adopted the documentation and history methods together with the interview and on-site observation methods for data collection purposes.

Keywords: Pondok, Tafsir Studies, Method, Traditional, Melaka

1.0 Pendahuluan

Pengajian tafsir di Tanah Melayu adalah lanjutan daripada pengajian al-Qur'an pada awal kedatangan Islam ke negara ini. Bertitik tolak daripada pengajian al-Qur'an ini, ia terus berkembang kepada pengajian tafsir di peringkat pondok dan sekolah. Pada peringkat awal, pengajian tafsir dijalankan dalam bentuk pengajian pondok. Karya-karya turath dijadikan sebagai teks kepada pelajar-pelajar dan mengaplikasikan kaedah kajian teks dan nas. Akhirnya disiplin pengajian tafsir ini diterapkan ke dalam pengajian formal di peringkat sekolah. Antara sekolah terawal yang menerima disiplin pengajian tafsir ini ialah *Mahaad Muhammadi* di Kelantan pada tahun 1945. Beberapa tahun selepas itu, disiplin ilmu tafsir diserap masuk ke dalam sukatan mata pelajaran Pendidikan Islam oleh Kementerian Pelajaran Malaysia di peringkat sekolah menengah dan rendah. Pada peringkat ini, para pelajar bukan sahaja terdedah kepada tafsir-tafsir turath, malahan karya-karya tafsir moden dan metodologinya juga disajikan.

Sambutan masyarakat terhadap ilmu tafsir yang amat menggalakan ini telah menyuntik semangat tokoh-tokoh tafsir tempatan untuk mengembangkan ilmu mereka melalui penulisan. Sehubungan itu, lahirlah tokoh-tokoh tafsir melayu seperti al-Shaikh Abdul Rauf Fansuri, Haji Muhammad Sa'id bin Umar, Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi dan lain-lain.

1.1 Pengajian Tafsir di Pondok

Pondok adalah institusi pengajian agama yang paling awal bertapak di Tanah Melayu. Ada yang mengatakan kewujudannya adalah hasil cetusan evolusi pengajian Islam yang berlaku di rumah, masjid dan surau. Kewujudannya bermula dengan usaha orang yang berpengetahuan agama di suatu daerah dan bertanggungjawab menyampaikan pelajaran agama kepada keluarga dan jiran tetangga yang berdekatan. (Ramli Saadom 2016)

Kemunculan institusi pondok ini dapat dikesan pada awal kurun ke-19M hasil pengembangan dari Patani yang berindukan Sumatera Utara (Aceh). Struktur pembelajarannya pula mendapat ilham dari Timur Tengah. Ia giat berkembang di semua negeri di Tanah Melayu terutamanya Terengganu, Kelantan dan Kedah. (Mohd Zainodin Mustaffa et.al. 2017)

Walau bagaimanapun, terdapat keterangan yang mengatakan bahawa Pengajian Pondok berasal dari Patani. Ini berdasarkan kedudukannya yang terkenal sebagai Pusat Pengajian Agama Islam dan Kebudayaan Melayu pada abad ke-17M. Ia juga berdasarkan keadaan pada masa itu terdapat ramai ulama Patani menyusun kitab-kitab jawi yang digunakan di pondok-pondok. Kebanyakan tok guru menggunakan dialek Patani apabila menyampaikan pengajaran mereka khususnya bagi pondok-pondok di Kedah dan Perak. Kemungkinan yang kedua pula adalah pondok berasal dari Kalimantan, Indonesia berdasarkan beberapa buah kitab jawi yang dibawa dan dibaca di pondok-pondok hasil terjemahan ulama-ulama Banjar dan Jawi. (Mohd Zainodin Mustaffa et.al. 2017)

Sistem pondok di Tanah Melayu di terajui oleh golongan ulama serta pelajar-pelajar yang belajar di pondok Patani yang terletak di semenanjung Malaysia, buktinya terdapat banyak kitab-kitab agama yang di hasilkan oleh ulama-ulama dari Patani seperti Shaykh Daud Al-Fatani, Shaykh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani, Shaykh 'Abdul Qadir bin Abdul Rahman al-Fatani , Shaykh Zain Al-Abidin bin Muhammad al-Fatani, Shaykh Muhammad bin Ismail al-Fatani, Haji Muhammad Husain bin Abdul Latiff al-Fatani atau dikenali Tok Kelaba, Shaykh Abd Al- Rahman bin Muhammad Ali bin Ismail al-Fatani, Tengku Mahmud Zuhdi bin

Tengku Abdul Rahman bin Tuanku Nur bin Raja Belat bin Raja Datu al-Fatani al-Jawi , Shaykh Ismail bin 'Abd Al-Qadir al-Fatani,Qadi Haji Wan Ismail, Shaykh Muhammad Nur bin Shaykh Nik Mat Kechik al-Fatani dan Shaykh Ibrahim bin 'Abd Al-Qadir al-Fatani.(Wan Mohd. Shaghir 2016)

Di samping itu juga, guru-guru pondok yang menerima latihan dan pendidikan dari Patani serta faktor kedudukan yang berhampiran dengan daerah Thailand Selatan menyebabkan perkembangan institusi pondok di semenanjung Malaysia semakin berkembang pesat di negeri Kelantan, Kedah, Johor, Negeri Sembilan dan Melaka. (Masyhurah,harun, Maimum & Siti Aisyah 2015).

Pendekatan di gunakan dalam bahasa Arab dengan istilah *Tariqah*. Menurut al-khalidi *Tariqah* memberi makna mempraktikan kaedah-kaedah asas dalam pentafsiran serta memeliharanya dengan sempurna. Satu istilah yang berkaitan dengan istilah *Tariqah* ialah perkataan *manhaj* atau kebiasannya disebut sebagai *method*. *Manhaj* pula ialah kaedah-kaedah asas yang digunakan oleh pengkaji untuk meneliti al-Quran dan prinsip asas mentafsirkan al-Quran (al-Khalidi 2012). Maka *manhaj* dan *tariqah* berkait rapat dalam penulisan tafsir sama ada daripada aspek kaedah atau praktikal.

Justeru, dapatlah di simpulkan istilah *manhaj* merujuk kepada kaedah-kaedah asas yang mengawal semua prosedur pentafsiran mengikut langkah dan peringkatnya. Manakala *tariqah* (pendekatan) merujuk kepada pelaksanaan kaedah-kaedah asas, cara mempraktikkannya dan menangani secara terperinci tema ayat-ayat al-Quran. Pengkaji sependapat dengan pandangan *al-Khalidi* dalam pendefinisan istilah yang membawa maksud pendekatan dalam penafsiran al-Quran.

Selain itu, *al-Rumi* juga menjelaskan pendekatan dalam ilmu metodologi di kenali sebagai *ittijah*, *manhaj*, dan *tariqah* atau *uslub*. *Ittijah* bermaksud hala tuju seseorang pentafsir al-Quran. Manakala, *manhaj* pula merupakan landasan untuk di capai oleh pentafsir al-Quran dengan menggunakan cara yang sesuai mengikut tujuan yang muah dicapai oleh pentafsir.(al-Rumi 2003). Namun, menurut *al-Khalidi* *tariqah* dalam pengajian disebut *method* yang diguna pakai oleh pentafsir dan *manhaj* ialah kaedah-kaedah asas yang digunakan oleh pengkaji untuk meneliti al-Quran dan prinsip-prinsip asas mentafsirkan al-Quran. (al-Khalidi 2010).

Al-Khalidi (2010) pula berpendapat perbezaan antara istilah *manhaj* dengan *uslub* atau *tariqah* menurut beliau, *manhaj* tertakluk kepada kaedah dan peraturan tertentu yang mesti di patuhi oleh setiap pentafsir bagi memastikan tafsiran yang di lakukan di terima . Manakala *uslub* atau *tariqah* pula ialah cara oleh seorang pentafsir mengikut pendekatannya yang tersendiri setelah mematuhi *manhaj* tafsir ketika mentafsirkan ayat-ayat tertentu misalnya ayat yang berkaitan hukum, aqidah dan perumpaan dalam al-Quran. Dari konteks kajian ini, kesimpulannya istilah yang paling hampir bagi pendekatan ialah *method* yang di gunapakai untuk menyampaikan pembelajaran kepada pendengar oleh pentafsir dengan cara yang sesuai dan mengikut garis panduan al-Quran dan as-Sunnah.

1.2 Pengenalan Pondok

Pondok *Baitul Qurro' Wal Fuqaha* (PBQ) nama pondok ini adalah idea dari seorang mudir pondok tersebut sempena dengan tempat penduduk Madinah yang menempatkan para sahabat mempelajari al-Quran sebelum mereka dan Rasullullah S.A.W berhijrah (Hafiz Paizull 2021) pondok ini terletak di Lorong Kiyai Hj Abdul Rahman, Paya Rumput JayaM 73600

Sungai Udang ,Melaka. (Juhaidi Yean 2018).

PBQ dibina pada tahun 1940 hasil sumbangan idea Allahyarham Kiayi Hj Abdul Rahman selepas itu usaha ini di teruskan oleh *Muallim* Hj Abdul Wahid setelah pemergian Hj Abdul Wahid , setelah itu di sambung perjuangan ini oleh Tuan Guru Hj Zulkifli Ismail yang merupakan anak saudara *Muallim* Hj Abdul Wahid . Tuan Guru Hj Zulkifli Ismail telah menjemput Mukkaram Habib Omar bin Abd Rahman untuk merasmikan PBQ secara rasmi pada 15 syabaan 1432H bersamaan 17 Julai 2011 PBQ.

Tuan Guru Hj Zulkifli Ismail pulang ke tanah air setelah tamat pengajian beliau di Mesir, selepas itu beliau telah merasmikan penbuhan PBQ di negeri Melaka pada 27 Ramadhan 1421H bersamaan 2000 masihi (Zulkifli 2020) . PBQ diantara pondok yang merupakan institusi pengajian kitab turath yang melibatkan hanya pelajar lelaki sahaja (Fidaiy Md Ali 2018) semakin hari PBQ mendapat sambutan dari masyarakat setempat, inisiatif PBQ telah membuka peluang kepada pelajar perempuan untuk belajar di sana seramai 10 orang pelajar perempuan, dan pelajar lelaki seramai 50 orang (Juhaidi Yean 2018). 34 orang pelajar berumur lingkungan 13 hingga 23 tahun (Fida'iy Md Ali 2018).

Pada tahun 1960 pernah berlaku kebakaran (Juhaidi Yean 2018). maka tahun demi tahun perubahan ke arah kemajuan berlaku daripada sudut fasiliti yang baik sehinggalah dari sudut pengajian ilmu islam (Azmi Budin & Nazli Omar 2018). PBQ juga turut di kunjungi oleh ulama dari India dan Yaman (Bakri Jamaluddin 2020) dan juga turut di kunjungi oleh mahasiswa dari pelbagai negeri dalam Malaysia untuk menuntut ilmu apabila musim cuti semester. (Nur Hanis Fatini 2020)

Biodata Pengasas-Pengasas Pondok

I. Biodata Ringkas Tuan Guru Abdul Wahid

Nama sebenar beliau ialah Abdul Wahid bin Othman bin Ningkal dan keturunan kerinci sumatera, beliau merupakan cahaya mata dari pasangan Haji Othman bin Ningkal dan Hajjah Siti binti Haji Yusuf. Beliau meninggal dunia pada 3hb oktober 1990 pada pukul 2.00 pagi pada usia 80 tahun akibat menghidap sakit dalam perut . dikebumikan di batu 16 solok duku Masjid Tanah, Melaka berhampiran dengan pusara sahabatnya dan merupakan anak muridnya juga iaitu Tuan Guru Haji Yaakub. (Syahrol Azmil Sani 2021).

Ayah dan bonda beliau sangat menitip beratkan ajaran Islam dalam didikan kepada anak-anak, akhirnya lahirlah seorang ulama yang terkenal dan di segani ramai walaupun bukan berketurunan ulama atau ahli agama dan di antara sumbangan beliau dalam institusi pondok dengan mendirikan madrasah iaitu *Madrasah an-Nuriah ad-Diniah* dan *Madrasah Baitul Qurra'*.

Muallim Haji Wahid memiliki adik-beradik seramai 8 orang, beliau merupakan anak sulung, dan di antara adik-beradik beliau iaitu Haji Muslim, Abdul Majid, Abdul Mutalib, Zainab , Hasnah dan Yah. Beliau mendapatkan pendidikan awal bermula dengan belajar secara formal di Sekolah Melayu Tangga Batu sehingga lulus Darjah Lima ketika berusia 14 tahun, beliau juga belajar agama di Palembang, Sumatera di bawah bimbingan Tuan Guru Haji Sultan, Selain itu, beliau berhijrah untuk menuntut ilmu di pondok seperti Pondok Khairiyah, Batu Tujuh, Air Molek Melaka dan pondok Kampung Paya, Kerian, Kelantan.(Azmi Budin 2021)

Pengembaran dan perantuan ilmu di beberapa pondok di Kelantan berakhir pada 1940. Antara rakan-rakan seperguruan dan seperjuangan beliau di Kelantan ialah Tuan Guru Haji Yahya Junid, Tuan Guru Haji Hussein Rahimi, Tuan Guru Haji Ghazali Pulau Chondong, Tuan Guru Haji Othman Yunus ,Tuan Guru Haji Nik Mat Alim dan Tuan Guru Haji Awang Muhammad Rusila. Ketika beliau belajar di Kelantan Muallim Haji Wahid bertemu jodoh beliau dengan pasangan hatinya iaitu Puan Hajjah Wan Aishah binti Wan Awang pada tahun 1937 dan mereka di kurniakan 7 cahaya mata.

II. Biodata Ringkas Kiyai Haji Abdul Rahman Paya Rumput

Nama penuh beliau ialah Tuan Guru Kiyai Haji Abdul Rahman bin Haji Yusuf, beliau mendapat pengajian awal di Masjid Muhammadi, Kota Bharu dan seterusnya beliau melanjutkan pengajian ke Mekah selama 7 tahun dan seterusnya ke Mesir. Sepanjang beliau melanjutkan pengajian dan telah berguru dengan ulama-ulama seperti Tok kenali, Tuan Guru Haji Saad Kangkong, Tuan Guru Haji Ali Pulau Pisang dan Tuan Guru Haji Yaakob Legor.

Setelah pulang dari Mesir, Kiyai Haji Abdul Rahman membuka sebuah pondok pengajian di Kampung Paya Rumput Jaya, Sungai Udang sekitar tahun 1940 an. Usahanya ini telah disambung oleh anak saudaranya Tuan Guru Muallim Haji Abdul Wahid sehingga tahun 2000-an dan kini ditadbir oleh cucunya - Tuan Guru Ustaz Zulkifli Ismail. Kiyai Haji Abdul Rahman sebenarnya adalah tulang belakang kepada pendidikan Tuan Guru Muallim Haji Abdul Wahid. Beliaulah yang telah membantu Muallim melanjutkan pelajarannya ke Palembang dan seterusnya mencari dana bagi mentadbir pondok dengan baik dan di hari pengebumian beliau telah di makamkan Jenazahnya di Kampung Paya Rumput, Sungai Udang, Melaka. (Syahrol Azmil Sani 2021).

III. Biodata Ringkas Tuan Guru Zulkifli

Nama asal beliau Zulkifli bin Ismail dan di kenali sebagai ustaz zul atau “Tuan Guru Zul”, beliau dilahirkan di Kampung Paya Rumput, Sungai Udang Melaka pada tahun 1966. Beliau berasal daripada keluarga para pemimpin dan agamawan. Ayahanda beliau bernama Haji Ismail bin Haji Muhammad dan merupakan seorang guru agama yang memimpin Persatuan Melayu Islam Brunei. Bapa saudara beliau iaitu Tuan Guru Muallim Haji Abdul Wahid dan datuk beliau iaitu Kiyai Haji Abdul Rahman adalah pengasas bersama pertubuhan pondok Paya Rumput Sungai Udang.

Beliau mempunyai seorang isteri yang bernama Zarina binti Saad dan di kurniakan 12 orang cahaya mata. 7 daripada 12 merupakan penghafaz al-Quran. Putera sulung beliau merupakan pelajar dan juga tenaga pengajar di Ribat Tarim. Tuan Guru Haji Zulkifli merupakan pengasas kepada pondok *Baitul Qurra Wal Fuqoha* sejak awal tahun 2000 sehingga kini. (Syahrol Azmil Sani 2021). Beliau mendapat pendidikan awal di pengajian *Maahad Muhammadi*, Kelantan, Pondok Bukit Besar, Kedah dan menyambung pengajianya ke Mesir selama 10 tahun, beliau dikenali dengan sifat pendakwah yang tegas dan tidak puas menuntut ilmu.

2.0 Permasalahan Kajian

Ilmu tafsir merupakan salah satu cabang ilmu yang berkaitan dengan al-Qur'an yang dapat mengembalikan manusia kepada al-Qur'an sebagai panduan dalam kehidupan. Ia juga sunnah Rasullullah S.A.W yang tersemat dengan petunjuk yang membimbing seseorang

kepada jalan yang betul. Di antara jalan petunjuk-petunjuk tersebut adalah berkaitan dengan aqidah, usul tafsir dan adab-adab dalam mempelajari ilmu tafsir. Hal ini akan membentuk peribadi akhlak mulia seorang muslim dalam melaksanakan segala perintah dan larangan Allah Al-Qur'an merupakan satu kitab mulia dari Allah untuk dibaca dan difahami oleh setiap orang muslim. Maka perlu untuk memahami al-Qur'an dengan berpandukan ilmu tafsir yang telah di gariskan oleh ulama-ulama tafsir seperti mana per penting membaca al-Qur'an dengan diberi pengetahuan melalui ilmu tafsir seperti mana yang disebut oleh *al-Maraghi* tentang perkatan *iqra* dalam surah al-Alaq ayat 1-5 bahawa "kamu boleh membaca kerana Tuhan yang berkuasa memberi kefahaman dan menciptakan kamu diatas kehendakNya dan menjadikan kamu dari tidak tahu kepada tahu" kerana itu Nabi Muhammad S.A.W pada awalnya tidak tahu membaca dan menulis. Kemudian datang perintah menyuruh Nabi Muhammad S.A.W membaca walaupun tidak menulis. Oleh itu, Rasullullah S.A.W segera diberi kitab yang mulia iaitu al-Qur'an untuk dibaca sekalipun pada asalnya Rasulullah tidak tahu menulis.

Pada abad ini, karya-karya penulisan tafsir di Malaysia adalah kesinambungan daripada pengajian tafsir yang diadakan di masjid, pondok dan sekolah secara formal (Mustaffa Abdullah & Abdul Manan 2009). Sehubungan dengan itu pondok adalah sebagai sebuah institusi pendidikan Islam yang tertua dan diwarisi semenjak dari zaman Rasulullah S.A.W lagi. Institusi pondok adalah sangat penting dalam menyampaikan ajaran Islam. Institusi ini mempunyai keistimewaan tersendiri dan dikatakan paling tinggi kedudukannya serta mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam kalangan masyarakat Melayu. Peluang untuk menuntut ilmu menjadi lebih terbuka kepada seluruh anggota masyarakat dengan adanya institusi pondok. Apa yang menarik mengenai institusi pondok ini sebagai pusat pengajian Islam ialah kebanyakan penghuninya adalah terdiri daripada mereka yang datang dengan kerelaan hati sendiri untuk tujuan menuntut ilmu dan inilah yang membezakan dengan sistem pendidikan formal (Shaffie Fuziah 2001).

Selain itu, terdapat ramai pembaca yang meminati bidang tafsir telah menggunakan pendekatan yang tidak wajar dalam usaha mereka memahami kandungan al-Qur'an dengan menggunakan kaedah yang salah dan sepatutnya perlu mengikut pada kaedah yang sudah digariskan dalam ilmu tafsir (Ibrahim Yusof 1992). Tambahan pula, menafsir al-Qur'an menuntut kepada penguasaan individu terhadap kaedah-kaedah serta syarat yang telah disebutkan oleh para ulama. Adalah lebih utama dan selamat untuk kita meneliti pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh para ulama yang muktabar dalam ilmu tafsir yang telah menguasai secara mendalam ilmu-ilmu yang berkaitan ilmu tafsir.

Sewajarnya sebelum menyampaikan atau berkarya maka perlu mentafsirkan ayat -ayat al-Quran menggunakan kaedah yang betul. Dalam sistem pondok, pengajian tafsir merupakan salah satu mata pelajaran yang diajar. Menurut Abd Rahman Abd Ghani et al. (2015), pondok merupakan sekolah yang mempunyai sistem pendidikan tradisional yang banyak ditubuhkan di Malaysia, Indonesia (dikenali sebagai pesantren) dan di Thailand (Patani). Sistem pendidikan ini berteraskan kurikulum pengajian Islam dan pelajar-pelajarnya tinggal di pondok. Kurikulum di sekolah ini hanya menekankan aspek asas-asas ibadah fardu, ain dan fardhu kifayah tanpa pendidikan akademik yang formal.

Tanggungjawab dalam memahamkan masyarakat adalah perkara utama kerana tidak semua masyarakat mempunyai pengetahuan ilmu tentang tafsir, maka perlu memberi peluang kepada masyarakat untuk mempelajari kitab-kitab lama, supaya akan lahir dari kalangan mereka ahli-ahli agama yang benar-benar dapat memahami, menguasai dan mengkaji kitab-kitab tersebut

sebagai contoh kelas pengajian tafsir boleh di laksanakan di tempat seperti pondok, madrasah dan masjid bagi memberi ruang kepada masyarakat mendalami sesebuah karya tafsir dengan lebih mendalam.

Justeru itu, kajian terhadap sejarah, dan sistem pengajian tafsir yang telah di wujudkan di *Pondok Baitul Qurro'* di negeri Melaka khususnya yang menjadi fokus utama pengkaji untuk melihat kaedah tafsir yang digunakan dalam penyampaian, serta sistem pembelajaran dan pengajaran di pondok yang dapat memberi impak yang baik kepada individu dan masyarakat. Oleh demikian, pengajian tafsir dapat memberi sumbangan yang besar untuk masyarakat dalam menghayati al-Quran dengan benar.

3.0 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan menganalisis dari pengumpulan data respon tentang tajuk kajian pengajian tafsir di pondok *Baitul Qurra'*. Maka objektif kajian ini dapat dikemukakan seperti berikut:

- 1) Meneliti sejarah penubuhan dan pembangunan Pondok *Baitul Qurro'*
- 2) Mengenalpasti sistem pembelajaran dan pengajaran Tafsir di Pondok *Baitul Qurro'*
- 3) Mengkaji sumbangan *Baitul Qurro* dalam pengajian tafsir kepada masyarakat.

3.0 Metodologi Kajian

Kajian ini mengabungkan diantara kajian kepustakaan (*library research*) dan kajian lapangan (*field research*). Akan tetapi dikaji berfokus disuatu kawasan dengan secara tidak langsung kajian ini lebih kepada kajian lapangan untuk lebih mendapatkan penjelasan dari kawasan tersebut. Untuk kajian kepustakaan, pengkaji telah berusaha mendapatkan maklumat yang berkenaan dari perpustakaan dan tempat yang dikenalpasti memiliki maklumat tersebut. Maklumat ini diperlukan untuk mendapatkan penjelasan matlamat kajian ini untuk dianalisis terhadap kedudukan institusi pondok di Melaka.

Dalam mendapatkan maklumat ini pengkaji berusaha mendapatkan maklumat dari sumbernya yang asal dan sekiranya bermasalah pengkaji akan mencari sumber *sekunder*. Bagi kajian lapangan pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif iaitu secara kaedah temubual bagi mencapai objektif kajian. Beberapa individu yang berautoriti dipilih untuk diadakan temubual. Oleh itu, Fokus kajian ini melibatkan sebuah pondok di Melaka iaitu *Pondok Baitul Qurro' Wal Fuqaha* yang berperanan dalam institusi pendidikan tradisional di Malaysia. Sistem pengajian di sini masih mengekalkan tradisi iaitu mempunyai sistem *umummi* dan sistem *khususi* dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Aspek utama pengkaji tekankan adalah pengajian tafsir dalam kuliah dhuuha memberi sumbangan kepada masyarakat dalam mendalami ilmu tafsir menggunakan kitab lama.

4.0 Dapatan Kajian

Sumber maklumat mengenai *Pondok Baitul Qurro'* di perolehi daripada perserta temubual, pemerhatian dan penglibatan pengkaji serta sumber rakaman seperti video dan fotografi. Secara keseluruhnya, *Pondok Baitul Qurro'* adalah tempat institusi pendidikan tradisional yang suasana pondok seperti zaman tahun permulaan wujud pondok Asia tenggara dan mengamalkan pembelajaran tradisional dengan mengekalkan pembelajaran menggunakan kitab turath.

Sistem pengajian pondok *Baitul Qurro'* masih mengekalkan tradisi pembelajaran secara tradisional. Terdapat dua bentuk pengajian di jalankan iaitu pengajian *umummi* dan pengajian

khususi. Pertama pengajian *umummi* yang terbuka kepada setiap lapisan masyarakat Islam dari golongan muda hingga golongan tua untuk mendalami ilmu agama. Pengajaran ini disampaikan oleh Tuan Guru Zulkifli sendiri dalam pengajian umum secara syarahan dengan membaca kitab dan para pendengar akan mencatat apa yang telah dihuraikan oleh Tuan Guru Zulkifli. Pengajian *khususi* pula ditumpukan kepada pelajar yang berdaftar belajar di Pondok *Baitul Qurro'* yang melibatkan pelajar perempuan dan lelaki. Pondok *Baitul Qurro'* bukan sahaja menabur ilmu kepada para pelajarnya sahaja bahkan ia juga melibatkan masyarakat dan pelajar yang dari institusi pengajian tinggi di dalam negara dan luar negara.

Pengajaran dan pembelajaran dalam sistem pondok memerlukan tenaga pengajar dan pelajar yang ikhlas dalam mengajar dan menuntut ilmu kerana Allah SWT. Tenaga pengajar di Pondok *Baitul Qurro'* mempunyai pengalaman yang luas dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran secara pondok. Ini kerana mereka juga mempunyai latarbelakang pengajian di pondok-pondok yang menggunakan kitab turath. Kelayakan guru pondok serta pengalaman guru tersebut yang telah mereka belajar dan akhirnya mereka menabur bakti di pondok semula untuk mencurahkan ilmu dan khidmat mereka.

Sistem pengajian di laksanakan masih menggunakan kaedah tradisional seperti penggunaan kitab-kitab kuning tulisan jawi dalam bahasa Arab dan Melayu, kaedah pengajaran secara *halaqqah*, *talaqqi* dan menadah kitab serta kaedah hafalan matan-matan penting. Pengajian secara *talaqqi* masih dikekalkan dari sejak awal penubuhan sehingga lah sekarang diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran merujuk kitab-kitab turath. Kitab-kitab yang digunakan adalah kitab-kitab asas dalam setiap bidang ilmu agama. Pemilihan kitab adalah menepati tahap pemikiran para pelajar dan masyarakat yang hadir dalam pengajian *umummi*.

Kitab yang digunakan adalah mudah difahami dan tidak membebankan para pelajar dan masyarakat untuk memahami pengajian yang dijalankan. Kitab yang digunakan untuk pengajian *umummi* adalah kitab *Safinatun Najah*, *al-Risalah al-Jami'ah*, *dalbun salatin*, *Muqaddimah Hadramiyah*, *matan zubair dan Matan Abu Syuja'*, *Matan Al Jurumiyyah*, *kitab Mutammimah* sampai *Kitab Al-Biyat*, *Qawa'id*, *kitab Fathul Nadaq* dan *kitab Manfiyah*. Pihak Pondok juga menitip beratkan hafalan setiap matan-matan yang telah mereka pelajari dan akan di soal dalam pengajian yang akan datang.

Teks pengajian atau kitab-kitab yang digunakan pula majoritinya adalah kitab turath dalam bahasa Arab. Para pelajar atau ahli pengajian membawa kitab masing-masing dalam pengajian yang mereka hadiri. Pelajaran yang diberikan kepada masyarakat adalah ilmu asas agama merangkumi tauhid, fekah, akhlak dan bahasa Arab. Tambahan pula di sini juga belajar tentang ilmu isu semasa iaitu kitab dari Tuan Guru Zulkifli iaitu kitab Ancaman *Sekularisme* mengenai ideologi-ideologi yang wujud untuk meruntuhkan aqidah umat Islam. Hal ini amat penting untuk memelihara aqidah umat Islam dari dirobek melalui pemikiran yang songsang. Selain itu, tumpuan ilmu asas agama adalah tunjang dalam pendidikan di pondok, keterbukaan pihak pondok dengan memperluaskan lagi kuliah dan pengajian kepada masyarakat luar.

Dalam dunia pendidikan mempunyai 2 elemen penting untuk melahirkan kemenjadian pelajar iaitu kurikulum dan kokurikulum dalam mencapai penyampian pengajian dan pengajaran kepada pelajar. Di pondok *Baitul Qurro'* tidak melepaskan peluang untuk melibatkan para pelajar dengan aktiviti yang boleh mencungkil kemahiran pelajar. Antara aktiviti yang dijalankan seperti memasak, menjahit, belajar berqasidah, mengemas kawasan pondok dan memasang alat-alat teknikal untuk majlis. Di samping itu, semua pelajar juga menawarkan khidmat sukarelawan kepada pihak pondok seperti menghadiri majlis tahlil, persempahan qasidah dan

ahli jawatankuasa dalam majlis daurah.

Perkembangan Pondok *Baitul Qurro'* telah membawa kesan yang positif dan menghasilkan pelbagai sumbangan yang besar kepada masyarakat terutamanya dalam bidang pendidikan, bidang keagaman, peranan ulama dalam pembangunan pondok. Perubahan-perubahan yang berlaku dalam aspek pendidikan, keagamaan dan peranan ulama dapat mencerminkan keupayaan institusi pondok dalam membentuk sesebuah masyarakat ke arah peningkatan kefahaman dan penghayatan cara hidup Islam.

Sumbangan dalam aspek pendidikan membawa peranan yang amat penting dalam sesebuah institusi pendidikan tradisional. Pelaksanaan sistem pengajian secara talaqqi dan halaqah dalam pengajian khususi dan umumi yang telah memberi ruang kepada pelajar untuk belajar terus melalui guru-guru yang mahir dalam menyampaikan dan mensyarahkan kitab turath. Pengkaji mendapati pengajian di pondok *Baitul Qurro'* yang memilih suasana belajar secara bersanad supaya ilmu yang di pelajari dan diamalkan menepati ajaran Islam. Manhaj ini jika tidak dijaga akan melahirkan generasi tersasar dari agama.

Masyarakat perlu menghargai sistem pengajian yang tidak di tinggal zaman yang menjadi perkembangan warisan ilmu. Malah pengajian ini tidak terhenti disini sahaja bahkan ia juga di teruskan di peringkat seterusnya seperti di Universiti al-Azhar, Universiti Islam Madinah dan Yaman. Peluang menyambung pengajian adalah pilihan individu untuk mengalih lebih dalam tentang ilmu agama dan meneruskan pengajian bersanad dengan *syeikh-syeikh* kerana ilmu tidak terhenti di pondok bahkan ilmu akan berpisah dengan roh dan jasad maka terhentilah pencarian ilmu.

Program keagaman yang di wujudkan seperti majlis membaca al-quran, solat berjemaah, majlis maulidur rasul, sambutan ramadan, *qiamulail*, *daurah*, *jaulah* ulama dan sebagainya. Impak yang besar dari hasil pengajian aktiviti keagamaan ini dapat meningkat kefahaman yang jelas terhadap ajaran-ajaran agama dan dapat di amalkan dalam diri masyarakat. Oleh demikian, masyarakat pasti tidak akan janggal dan ragu-ragu untuk mengamalkan ibadah yang sunat. Hal ini dapat menjauahkan masyarakat daripada terjebak dengan amalan sesat yang tidak berasas malah boleh merosakan aqidah mereka. Oleh itu, besar peranan mudir dan guru-guru pondok *Baitul Qurro'* dalam menunjukkan jalan kebenaran dalam agama agar masyarakat tidak sesat jalan.

Masyarakat juga dapat mengenali ulama-ulama dari negara lain. Pengajian program menjemput ulama untuk jaulah di Pondok *Baitul Qurro'* seperti program *Maulid Arbain*, Antara ulama jemputan iaitu *Sheikh Niaz Al-adni* dan *Dr Habib Muhammad Tohir Al-ahdal*. Dengan adanya program seperti ini masyarakat tidak ketinggalan untuk bertemu dengan para ulama yang datang dari dalam dan luar negara. Kesan program seperti ini dapat membina hubungan baik antara masyarakat dan ulama sehingga muncul sifat mulia di kalangan masyarakat untuk salin membantu, berkasih sayang sesama orang Islam dan mengeratkan silaturahim.

5.0 Kesimpulan

Penelitian pengajian tafsir di institusi pondok mendapati pendekatan pengajaran yang di bawa oleh tenaga pengajar untuk menyampaikan pengajian ilmu tafsir di pondok *Baitul Qurra Wal Fuqaha* antara pendekatan yang di gunakan iaitu melalui membaca serta menadah kitab dan kitab itu akan di syarahkan oleh tuan guru sendiri. Mashitah Ibrahim telah mengetengahkan pendapat beliau bahawa 5 kaedah pengajian yang wujud di pondok secara tradisional iaitu kaedah talaqqi, tafaqquh, itqan, mujadalah dan munazorah. Namun kajian di

institusi pondok Baitul Qurra Wal Fuqaha mempunyai 2 pendekatan kaedah yang telah di aplikasikan di dalam pengajaran tafsir iaitu kaedah itqan dan talaqqi. Selain itu, kaedah pengajaran di amalkan di institusi pondok ini sangat menarik dan sangat bermanfaat kepada pelajar-pelajar di institusi pondok. Oleh itu, kajian tentang kaedah pengajaran yang di amalkan oleh guru di institusi pengajian pondok ini wajar di jalankan demi masa depan dalam bidang pendidikan negara.

Rujukan

- Al-Qu'an dan Terjemahannya.
- Abdul Hafiz Abdullah (2001), *pengajian tafsir di pondok-pondok negeri kelantan: kajian khusus tiga buah pondok* UKM disertasi Sarjana Pengajian Islam .
- Ahmad Mohd Salleh. (2008). *Pengajian Agama Islam & J-Qaf: Metodologi Dan Pedagogi Pendidikan*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Azmi Budin. 2021. Ketokohan Tuan Guru Haji Abdul Wahid Bin Othman Dalam Bidang Dakwah Islamiyyah Di Melaka, Jurnal Maw'izah 1:296-304.
- Azmi Budin & Mohamad Nazli Omar. 2018. Sumbangan Mualim Haji Wahid Dalam Bidang Dakwah Di Melaka. Jurnal Maw'izah 1: 137 – 153
- Brown H Douglas, *Principles Of Language And Teaching, Practice Hall Inc Englewood Cliffs. New Jersey , 1980* Hlm 240.
- Hafiz Paizull. (2021). *Baitul Qurro' Wal Fuqoha': Madrasah Tarbiah Generasi Muda Islam. Dlm. Hafiz Paizull. 12 Amalan Harian Pada Waktu Pagi*, hlm. 3-15. Selangor: Persatuan Anak Muda Islam Se-Malaysia (GAMIS).
- Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (2002), *Sukatan Pelajaran Kokurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pendidikan al-Qur'an dan al-Sunnah*, Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Islam dan Moral.
- Juhaidi Yean. (2018). *Profil Pondok Malaysia*. Selangor: Yayasan Pembangunan Pondok Malaysia.
- Masyhurah,Harun, Maimum & Siti Aisyah (2015). *institusi pondok dalam sistem pendidikan islam di Malaysia*, 1-11.
- Mohd Zainodin Mustaffa, Emie Sylviana Mohd Zahid, Nur Farhana Mohd Daud, Mahasin Saja@Mearaj, Mohd Asyadi Redzuan & Mohamad Zaki Razaly. (2017). Sejarah Pengajian Pondok dan Tokoh Ulama: Kajian di Daerah Besut, Terengganu Darul Iman. *Proceeding Of 2nd International Islamic Heritage Conference (ISHEC 2017*, hlm. 47-53.
- Mustafa Abdullah (2009), *Khazanah Tafsir di Malaysia*, Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Rushdi Ahmad Ta'imah , *Al-Al-Marja' Fi Ta'lim Al-Lughah Al- Arabiyah Lil Al-Natiqin Bi Lughat Ukhra, Metabi' Jami'at Umm Al-Qura*, Macca 1986 hlm 214,
- Saadon, R., Ariffin, K., & Saat, I. (2016). *Perkembangan Pendidikan orang Melayu di Malaya sebelum kemunculan Western-Type-Education: The educational development of the Malays in Malaya before the Emergence of Western-Type-Education*. Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan, 8(2), 79–96.
- Syafie Bin Abu Bakar . (1977) . *Institusi Syeikh Abdul Malik bin Abdullah (Satu corak pengajian tradisi di Terenggau)*. (Tesis Sarjana), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Fakhru Razi Wan Mohamad . 2008. *Haji Ahmad Mat Som Pergau dan sumbangannya dalam pengajian tarannum* di Kelantan. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah .2016. *ketokohan dan karya ulama patani* . Kuala Lumpur:Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.